

**Bil. 10**

**Khamis**

**2 Ogos 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di  
Jalan Kemunyang, Sibul**  
- *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)* [Halaman 1]
- **Fenomena Musim Tengkujuh**  
- *Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 3]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 02 Ogos 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Jalan Kemunyang, Sibu**

**2.34 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Jalan Kemunyang, Sibu yang perlu dinaiktarafkan untuk menampung jumlah sampah yang semakin meningkat. Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Jalan Kemunyang, Sibu dianggarkan penuh dalam masa dua tahun kalau tiada projek naik taraf dilaksanakan.

Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Jalan Kemunyang yang sedia ada seluas lapan hektar dan siap dibina dengan kos RM17 juta pada Jun 2014. Ia merupakan projek naik taraf dari tapak pelupusan sampah seluas 4.4 hektar di tempat yang sama. Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari yang dinaiktarafkan pada tahun 2014 dijangka dapat digunakan untuk tempoh kira-kira lima tahun dan mampu menerima 150 tan sampah sehari.

Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan sisa pepejal sanitari tersebut telah menghampiri had kegunaannya. Cadangan projek menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Jalan Kemunyang, Sibu sudah diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan permohonan pun telah dikemukakan, cuma menunggu pengesahan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU). Adalah difahamkan bahawa Rolling Plan Keempat projek tersebut sebenarnya akan diadakan dalam tahun ini tetapi disebabkan kerajaan sudah bertukar, semua projek akan diselidik semula. Kos projek tersebut dianggarkan RM21 juta. Walau bagaimanapun, jika projek dibuka untuk tender

terbuka dengan reka bentuk ekonomi yang lebih baik, kos sebenarnya boleh dikurangkan sehingga RM18 juta.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji semula cadangan projek menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Jalan Kemunyang, Sibu dengan cara *open tender* supaya wang kerajaan tidak dibazirkan. Adalah juga diharapkan projek tersebut dapat dilaksanakan secepat mungkin untuk menampung jumlah sampah yang semakin meningkat. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mengambil tanggungjawab untuk melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf tapak pelupusan sisa pepejal di Jalan Kemunyang, Sibu. Kerja-kerja naik taraf ini dilaksanakan pada 11 Oktober 2011 dan telah siap pada 9 November 2014 dengan kos pembinaan sebanyak RM18.55 juta. Kerja-kerja naik taraf bagi tapak ini dilengkapi dengan pembinaan sel yang berkapasiti 150 tan sehari untuk jangka hayat lima tahun. Tapak ini telah diserahkan semula kepada Majlis Perbandaran Sibu untuk tujuan operasi pada 29 Januari 2015.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, Majlis Perbandaran Sibu telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM20 juta pada 16 Januari 2018 bagi membina tiga sel baharu yang dilengkapi dengan sistem perparitan dan jalan masuk memandangkan sel sedia ada dijangka akan mencapai jangka hayat dalam tempoh dua tahun iaitu pada tahun 2020. JPSPN telah meneliti dan mendapati kos keseluruhan projek menaik taraf tapak pelupusan sisa pepejal di Jalan Kemunyang, Sibu ini berjumlah RM18.84 juta. Permohonan telah dibuat kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU di JPM) di bawah RMKe-11, Rolling Plan 4 (RP4) tahun 2019 dan pelaksanaan projek ini akan dimulakan setelah mendapat kelulusan peruntukan daripada EPU, JPM. Dijangka sebelum akhir tahun ini. *Insyaa-Allah*. Sekian, terima kasih.

## Fenomena Musim Tengkujuh

### 2.39 ptg.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Tuan Yang di-Pertua, Musim Tengkujuh adalah salah satu fenomena yang tidak dapat kita elak memandangkan kedudukan negara di garisan Khatulistiwa. Musim hujan didapati banyak membawa masalah kepada penduduk terutama masyarakat yang berjirankan sungai atau kolam tadahan akibat kelemahan infrastruktur dan penyelenggaraan sungai, parit dan juga longkang.

Untuk makluman, kawasan Parlimen Segamat juga tidak terlepas dari menghadapi masalah banjir kilat yang kadang-kadang membawa kerosakan infrastruktur dan juga kesihatan rakyat jelata. Hampir 12 tahun rakyat di Segamat merana dan sengsara dalam mengatasi banjir kilat yang kadang-kadang membawa maut.

### ■1440

Ini juga membawa keburukan kepada kanak-kanak serta murid-murid sekolah yang sering tidak dapat menghadiri persekolahan atas alasan banjir kilat.

Kawasan yang sering menjadi tumpuan akibat banjir adalah Kampung Krishna dan Kawasan Kampung Paya Jakas khasnya dan secara amnya di Parlimen Segamat. Mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, Teras Keempat: Rancangan Memulihkan Koridor Sungai Siput Daerah Segamat didapati ia ditangguhkan akibat kekurangan bajet di mana kos keseluruhan yang dianggarkan hanyalah sebanyak RM3.5 juta.

Persoalannya adalah, apakah punca projek ini tergendala? Bilakah peruntukan yang secukupnya dapat disediakan bagi menyelesaikan masalah banjir yang semakin teruk? Apakah kerajaan komited dalam menangani masalah banjir kilat khasnya di Segamat dan seluruh negara amnya? Apakah kerajaan akan meneliti kembali perancangan serta pengagihan dana dalam merealisasikan bebas banjir kilat di seluruh negara? Bilakah projek tambatan banjir ini dapat disempurnakan secara menyeluruh di Parlimen Segamat? Pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Sekian, terima kasih.

### 2.41 ptg.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Segamat. Untuk makluman Yang Berhormat Segamat, projek yang dinyatakan bukannya tergendala tetapi masih di peringkat perancangan. Kejadian banjir banyak berlaku di seluruh negara dan Kerajaan Persekutuan

prihatin dengan isu berkenaan. Permohonan peruntukan bagi mengatasi masalah banjir telah dipohon mengikut keutamaan tahap kritikal kawasan-kawasan terlibat. Peruntukan bagi menyelesaikan isu banjir di Parlimen Segamat, masih belum mendapat peruntukan yang secukupnya memandangkan projek-projek berkenaan masih berada di dalam senarai permohonan. Kementerian ini juga melalui JPS sangat komited dalam menyelesaikan isu-isu banjir di seluruh negara termasuk di kawasan Segamat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 hari Isnin, 6 Ogos 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.42 petang]***